

Ragut 9 lagi nyawa

Kosmo 10/8/09 m/s 3



Oleh MAZLINA ABDUL MAJID
mazlina@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Wabak selesema babi (H1N1) kian membimbangkan apabila sembilan lagi kematian dicatatkan semalam menjadikan keseluruhan jumlah kematian akibat penyakit itu setakat ini meningkat kepada 27 kes.

Dalam kes terbaru, dua daripadanya berlaku di Sabah melibatkan seorang wanita obes, 24, dan seorang lelaki warga emas berumur 74 tahun.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Mohd. Ismail Merican dalam satu kenyataan semalam berkata, wanita obes itu meninggal dunia pada 5 Ogos lalu selepas mendapatkan rawatan di Hospital Ranau pada 1 Ogos setelah mengalami demam dan batuk selama empat hari.

Sementara itu, warga emas terbabit yang juga penghidap jantung kronik meninggal dunia pada 6 Ogos lalu, tiga hari selepas mendapatkan rawatan susulan di hospital yang sama.

Lelaki itu dikatakan baru mengalami demam sehari dan berdepan dengan kesukaran bernafas sejak sebulan lalu.



KAKITANGAN KIST melakukan pemeriksaan dan saringan kesihatan ke atas pelajar yang kembali ke kampus itu di Bachok, Kelantan semalam.

Kes lain pula merujuk seorang pelajar wanita, 20, yang dirawat sebagai pesakit luar bagi penyakit serupa Influenza (ILI) pada 1 Ogos lalu dan meninggal dunia di bilik asramanya, lima hari kemudian.

Selain itu, wabak tersebut turut meragut seorang lelaki berumur 48 tahun yang menghidap asma dan hipertensi dari Sarawak dan seorang lelaki obes berumur 37 tahun dari Johor.

Mangsa ke-9 yang terkorban ialah seorang wanita me-

ngandung berumur 25 tahun di sebuah hospital pakar di Johor Bahru pada pukul 1.30 pagi semalam.

Wanita itu disahkan meninggal dunia akibat pneumonnia dan kegagalan pelbagai organ badan.

Setakat ini, jumlah terkumpul selesema babi telah mencecah 1,780 kes dengan tambahan 202 kes termasuk sembilan kematian dan kesemuanya adalah kes tempatan.

Sementara itu di **Bachok, Kelantan**, pihak pengurusan

Kolej Islam Sains dan Teknologi (KIST) di sini mengambil inisiatif menjalankan pemeriksaan kesihatan terhadap lebih 3,500 pelajarinya bagi mengelak penularan virus H1N1.

Pengurus Hal Ehwal Akademik dan Pelajar kolej berkenaan, Muhamad Haris Husain memberitahu, pemeriksaan tersebut dijalankan bermula pukul 7.30 pagi semalam dan KIST menutup operasinya pada 3 Ogos lalu berikutan penularan wabak itu.

Info Kematian H1N1 Mengikut Negeri

MELAKA

● **28 Julai:** Seorang remaja perempuan dari Melaka berusia 20 tahun.

● **3 Ogos:**

i) Budak perempuan, 3, sakit saluran pernafasan kronik meninggal dunia di Hospital Melaka.

ii) Budak lelaki, 12, akibat kegagalan buah pinggang kronik dan sedang menjalani rawatan dialisis, mati di Hospital Melaka.

iii) Seorang lelaki, 20, dengan kronik asma, mati selepas dimasukkan ke Hospital Melaka.

JOHOR

● **2 Ogos:** Budak lelaki, 11, dimasukkan ke Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru pada 29 Julai 2009 sebelum meninggal.

● **5 Ogos:** Budak lelaki, 6, selepas dimasukkan ke Hospital Batu Pahat, Johor.

● **9 Ogos:**

i) Lelaki obes berumur 37 tahun dari Johor.

ii) Wanita mengandung, 25, di hospital swasta di Johor Bahru.

KUALA LUMPUR

● **23 Julai:** Seorang pelajar Indonesia, 30, yang belajar di Pusat Pendidikan Antarabangsa Kewangan Islam.

● **26 Julai:** Lelaki warganegara Malaysia, 46, di hospital swasta di Subang Jaya.

● **27 Julai:** Lelaki, 42, di sebuah hospital swasta di Kuala Lumpur.

● **5 Ogos:**

i) Lelaki obes, 40, di Hospital Kuala Lumpur.

ii) Pesara lelaki, 57, dimasukkan ke Hospital Putrajaya kerana demam, batuk dan sesak nafas.

SABAH

● **9 Ogos:**

i) Wanita obes, 24, selepas dirawat di Hospital Ranau pada 1 Ogos kerana mengalami demam dan batuk selama empat hari.

ii) Lelaki, 74, yang menghidap sakit jantung kronik dimasukkan ke Hospital Queen Elizabeth.

SARAWAK

● **3 Ogos:** Ibu muda, 23, yang baru melahirkan anak di Hospital Miri mati disebabkan komplikasi paru-paru.

● **9 Ogos:** Lelaki, 48, yang menghidap asma dan hipertensi dari Sarawak.

PERAK

● **31 Julai:** Kanak-kanak perempuan, 10, dari Bagan Serai, Kerian, Perak.

NEGERI SEMBILAN

● **2 Ogos:** Wanita, 51, berasal dari Kuala Selangor disahkan meninggal dunia di Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban di Negeri Sembilan.

PAHANG

● **5 Ogos:** Budak lelaki, 6, dengan gejala demam, sakit tekak meninggal dunia di Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan, Pahang.

Nota : Baki 7 kes tidak dinyatakan lokasi kematian.